

Covid-19: UMS kuarantin 190 penuntut China

Ottey Peter

DE 21.02.2020 1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakukan proses kuarantin di rumah kepada 190 penuntut antarabangsanya dari China, walaupun mereka tidak pulang ke China semasa cuti Tahun Baharu Cina, sebagai langkah pencegahan sementara.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin yang mendedahkan perkara itu berkata, mereka adalah antara 352 penuntut antarabangsa dari China yang menuntut di universiti itu. Selebihnya telah meninggalkan Sabah, termasuk pulang ke China, semasa cuti tersebut.

“Mereka (190 penuntut) dikuarantin di rumah sebagai langkah pencegahan awal, memandangkan insiden wabak Covid-19, kerana kebanyakan mereka dilawat oleh ibu bapa mereka yang datang ke sini dari tanah besar China semasa cuti Tahun Baharu Cina.

“Kesemua 190 penuntut itu tidak pulang ke China, jadi ibu bapa kebanyakan mereka datang ke sini untuk melawat semasa perayaan baru-baru ini...jadi kami perlu menjaga mereka dan melindungi orang kita sendiri.

“Walaupun dikuarantin, mereka masih meneruskan pengajian mereka. Kami kirimkan mereka nota kuliah agar mereka tidak ketinggalan pelajaran,” katanya kepada pemberita apabila ditanya selepas menyempurnakan upacara Mandat 2020 UMS di Bangunan Canselor universiti, di sini, Khamis.

Dr Taufiq menjelaskan bahawa universiti itu menetapkan prosedur kuarantin ber-

pusat, di mana penuntut-penuntut berkecenderungan diminta untuk tinggal di rumah dan keadaan mereka dipantau setiap hari.

“Kami memeriksa mereka setiap hari untuk bertanya sama ada mereka sakit atau mengalami demam... Setakat ini, semua mereka sihat.”

Menurut beliau, 352 daripada jumlah 700 penuntut antarabangsa di UMS berasal dari China.

“Ini adalah bilangan terbesar berdasarkan kewarganegaraan di sebuah universiti awam di negara ini dan, sehubungan itu, kami ambil perhatian dan mereka diurus serta dijaga sewajarnya.

“Sesetengah mereka masih berada di China tetapi kami juga mengirimi nota kuliah kepada mereka agar mereka dapat mengikuti pelajaran,” katanya.